

***BAHAGIAN I***  
***NAMA, ALAMAT, TEMPAT MESYUARAT, SEKRETARIAT, EMBLEM & BENDERA***

1. **NAMA**

Parti ini akan dikenali sebagai "PARTI GERAKAN RAKYAT MALAYSIA" dan dalam bahasa Inggeris sebagai "MALAYSIAN PEOPLE'S MOVEMENT PARTY".

2. **ALAMAT**

Pejabat Berdaftar dan alamat pos Parti ini akan berada di Paras 5, Menara PGRM, No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras, 56100 Kuala Lumpur, atau di alamat lain sepetimana yang telah dikabulkan dan berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia.

3. **TEMPAT MESYUARAT**

Tempat mesyuaratnya akan berada di Pejabat Berdaftar atau di lain tempat sedemikian sepetimana yang mungkin dari masa ke masa ditetapkan oleh Jawatankuasa Pusat.

4. **SEKRETARIAT**

Sekretariat Parti ini akan ditubuhkan di Pejabat Berdaftar Parti atau di lain-lain tempat sedemikian yang mungkin ditentukan oleh Jawatankuasa Pusat dan akan diuruskan dan dikawal oleh Jawatankuasa Kerja Pusat melalui Setiausaha Agung.

5. **EMBLEM**

Emblem Parti ini akan berupa lima tangkai dengan dua belas biji padi berwarna keemasan yang diselubungi dalam suatu segitiga putih sama sisi berlatarbelakangkan hijau.

6. **BENDERA**

Bendera Parti ini akan mempunyai suatu latar belakang merah serta dengan emblem di tengah-tengahnya.

***BAHAGIAN II***  
***TUJUAN DAN OBJEKTIF***

7. **TUJUAN DAN OBJEKTIF**

7.1 **Perlembagaan Malaysia & Rukunegara**

Untuk menghormati dan mempertahankan Perlembagaan Malaysia dan untuk mengekalkan prinsip-prinsip Rukunegara.

7.2 **Masyarakat Malaysia Yang Saksama**

Untuk memperjuangkan sebuah masyarakat Malaysia berdasarkan prinsip-prinsip keperimanusiaan dan prinsip-prinsip demokrasi dan untuk menjamin keadilan sosial dan ekonomi melalui:-

- a) membanteras sebarang eksloitasi dan memberikan peluang sepenuhnya kepada semua orang untuk kemajuan ekonomi yang sah;
- b) menggalakkan suatu pembahagian kekayaan yang adil dan saksama;

- c) membekalkan kemudahan yang cukup dan efisien dengan kawalan peraturan yang sesuai untuk memastikan penentuan harga yang saksama;
- d) memastikan pemilikan petak tanah yang ekonomi oleh petani dan lain-lain orang dan penggunaan tanah yang efisien;
- e) menggalak dan mempromosikan kesatuan sekerja yang sihat dan meningkatkan keadaan dan taraf hidup populasi pekerja;
- f) memansuhkan semua bentuk diskriminasi berdasarkan jantina.

7.3 *Perpaduan*

Untuk memelihara dan mengukuhkan perpaduan dan kebahagian rakyat melalui semangat persefahaman, toleransi dan muhibah.

7.4 *Kemajuan Ekonomi Dan Kebudayaan*

Untuk menggalak dan menjaminkan kemajuan ekonomi dan kebudayaan untuk semua kaum dalam perkembangan keperibadian kebangsaan.

7.5 *Kemajuan Untuk Yang Miskin Dan Ketinggalan*

Untuk membasmikan semua keadaan yang menyebabkan kelembapan ekonomi di kalangan rakyat; untuk memperlindungi mereka yang lemah di segi ekonomi dari eksplotasi dan untuk menggalak, membantu dan mengukuhkan penyertaan mereka dalam aktiviti ekonomi.

7.6 *Perkhidmatan Awam Dan Lain-Lain Perkhidmatan*

Untuk menjaminkan suatu perkhidmatan awam dan lain-lain perkhidmatan yang berorganisasi dan cekap.

7.7 *Keluarga*

Untuk mempertahankan institusi keluarga.

7.8 *Toleransi Agama*

Untuk menggalak dan memupuk penghormatan dan toleransi kepada kehidupan agama bagi semua kaum.

7.9 *Anti Rasuah*

Untuk menghapuskan rasuah dalam semua corak.

7.10 *Bahasa*

Untuk mendukung Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan, memelihara serta mengekalkan penggunaan dan pembelajaran bahasa Cina, Tamil, Inggeris dan lain-lain bahasa rakyat Malaysia.

7.11 *Pendidikan Percuma*

Untuk menyediakan pendidikan percuma kepada kanak-kanak sehingga umur 18.

7.12 *Kerjasama Dengan Lain-Lain Organisasi Politik*

Untuk bekerjasama dengan lain-lain organisasi politik yang mempunyai tujuan dan objektif yang serupa berdasarkan corak Malaysia dari segi kegiatan-kegiatan politik bersama.

***BAHAGIAN III***

## ***KEAHLIAN***

### ***8. KATEGORI***

8.1 Keahlian akan digolongkan kepada tiga kategori:-

- a) Ahli Biasa untuk individu;
- b) Ahli Seumur Hidup untuk individu;
- c) Ahli Bersekutu untuk organisasi.

### ***9. KELAYAKAN***

#### ***9.1 UNTUK KEAHLIAN BIASA***

Keahilan Parti akan terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang:-

- a) berumur sekurang-kurangnya 18 tahun;
- b) bersetuju dan bertindak mematuhi Perlembagaan ini dan mengikuti program, prinsip-prinsip dan dasar-dasar Parti ini;
- c) bukan ahli daripada mana-mana parti politik yang lain; dan
- d) bukan seorang yang telah hilang kelayakan menyertai sebarang parti politik dalam apa-apa cara seperti yang ditetapkan di bawah Akta Pertubuhan 1966.

#### ***9.2 UNTUK AHLI SEUMUR HIDUP***

Seorang Ahli Seumur Hidup hendaklah dilantik, daripada ahli-ahli biasa yang telah menyertai Parti sekurang-kurangnya 20 tahun, dan selama ini aktif di peringkat cawangan, bahagian, negeri atau nasional, mengikut budi bicara Jawatankuasa Pusat.

*Dipinda  
24 Ogos 2003*

#### ***9.3 UNTUK KEAHLIAN BERSEKUTU***

9.3.1 Keahlian Bersekutu adalah terbuka kepada sebarang organisasi berdaftar di Malaysia yang telah mengisyiharkan sokongan terhadap matlamat-matlamat Parti ini, menerima dan bersetuju mematuhi syarat-syarat keahlian bersekutu.

9.3.2 Tiada organisasi mungkin diterima sebagai Ahli Bersekutu kecuali ia memenuhi syarat-syarat berikut:-

- a) bahawa ia menerima dan bersetuju mengikuti program, prinsip-prinsip dan dasar-dasar Parti ini;
- b) bahawa ia bersetuju mematuhi Perlembagaan ini dan Peraturan-peraturan yang boleh dikenakan kepada Ahli-ahli Bersekutu dari masa ke masa;
- c) bahawa ia menyerahkan perlembagaan dan program politiknya untuk dikabulkan oleh Jawatankuasa Pusat Parti ini;
- d) bahawa ia membayar yuran tahunannya.

### ***10. MAJLIS AHLI SEUMUR HIDUP***

10.1 Parti ini akan mempunyai satu majlis mengandungi tidak melebihi 300 orang Ahli Seumur Hidup yang terdiri daripada semua Ahli Pengasas dan ahli-ahli yang dilantik di bawah Artikel 9.2. Ketika bilangan Ahli Seumur Hidup adalah kurang daripada 300 orang atau di mana seorang Ahli Seumur Hidup berhenti sebagai Ahli Seumur Hidup kerana meninggal dunia, mengundur diri atau sebab-sebab lain, Jawatankuasa Pusat akan berkuasa melantik Ahli Seumur Hidup yang lain untuk mengisi kekosongan itu.

*Dipinda  
24 Ogos 2003*

10.2 (a) Majlis Ahli Seumur Hidup akan memilih, sekali setiap tiga (3) tahun, 6 orang ahlinya untuk menduduki Jawatankuasa Pusat, pada tahun pemilihan Parti, pemilihan akan diadakan sebelum Persidangan Perwakilan Nasional.

Dipinda  
18 Oct. 2014

10.2 (b) Tempoh untuk 6 orang ahli seumur hidup ke Jawatankuasa Pusat akan tamat selepas pemilihan Ahli Jawatankuasa Pusat baru dalam Mesyuarat Agung Majlis Ahli Seumur Hidup.

Tambah  
24 Ogos 2003

10.3 Notis untuk sebarang mesyuarat pemilihan seperti itu hendaklah dihantarkan oleh Setiausaha Agung kepada ahli-ahli Majlis Ahli Seumur Hidup sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh mesyuarat sedemikian.

10.4 Jawatankuasa Hartanah Parti

- a) Majlis Ahli Seumur Hidup hendaklah menujuhkan sebuah Jawatankuasa Hartanah Parti di mesyuarat agungnya dalam tahun pemilihan untuk Pemegang Jawatan Pusat dengan memilih daripada ahli-ahli layak mengundi seorang pengurus dan dua ahli jawatankuasa;
- b) Ahli Seumur Hidup tidak boleh dipilih ke Jawatankuasa Hartanah Parti kecuali dia telah memegang jawatan dalam Jawatankuasa Pusat sekurang-kurangnya 5 tahun;
- c) Ahli-ahli Jawatankuasa Hartanah Parti harus dipilih untuk satu tempoh perkhidmatan selama 3 tahun.

Dipinda  
30 Jan. 1997

10.5 Presiden atau sesiapa ahli yang diwakilkan oleh beliau dengan sah akan mempengerusikan sebarang mesyuarat Majlis Ahli Seumur Hidup.

11. KEMASUKAN

11.1 Seorang bakal ahli akan menyerahkan permohonan keahliannya melalui borang yang mungkin ditetapkan oleh Jawatankuasa Kerja Pusat dari masa ke masa bersama-sama bayaran kemasukan dan yuran tahunan semasa kepada Setiausaha Agung atau kepada Setiausaha Cawangan bagi kawasan di mana dia bekerja atau bermastautin. Setiausaha Cawangan hendaklah mengemukakan permohonan ini kepada Setiausaha Agung dalam masa tujuh hari selepas menerima permohonan sedemikian.

Dipinda  
24 Ogos 2003

11.2 Setiap permohonan keahlian akan dikemukakan kepada Setiausaha Agung untuk pengabulan dan beliau akan membentangkan permohonan yang telah dikabulkan untuk disahkan oleh Jawatankuasa Kerja Pusat di mesyuarat akan datang.

11.3 Sebaik sahaja permohonan itu disahkan oleh Jawatankuasa Kerja Pusat, Setiausaha Agung akan membuatkan ahlinya berdaftar di Cawangan bagi kawasan di mana ahlinya bermastautin atau bekerja atau seperti mana yang diarahkan oleh Jawatankuasa Kerja Pusat dan harus memberitahu Cawangan dan pemohon serta mengeluarkan sekeping kad keahlian kepadanya.

11.4 Pemohon akan berhak menggunakan semua hak keahlian dan menikmati faedahnya selepas pengabulan permohonannya dan pengesahan oleh Jawatankuasa Kerja Pusat atau selepas pengabulan rayuannya oleh Jawatankuasa Pusat.

Dipinda  
24 Ogos 2003

11.5 Dalam kes di mana permohonan keahlian gagal sama ada tidak dikabulkan oleh Setiausaha Agung ataupun tidak disahkan oleh Jawatankuasa Kerja Pusat, pemohon akan dimaklumkan tentang ketetapan ini dalam tempoh sebulan. Beliau akan berhak dalam tempoh sebulan sebaik sahaja dia dimaklumkan tentang penolakan permohonannya, merayu kepada

Dipinda  
24 Ogos 2003

Jawatankuasa Pusat yang akan menguruskan rayaannya dan keputusannya adalah muktamad.

11.6 Seorang pemohon boleh merayu kepada Presiden untuk mendapat satu keputusan jika dia tidak menerima sebarang notis daripada Setiausaha Agung mengenai keputusan permohonannya dalam tempoh dua bulan selepas permohonannya dikemukakan.

11.7 Seorang akan dianggap telah dimasukkan sebagai seorang ahli Parti mulai dari tarikh pengabulan permohonannya dan pengesahan oleh Jawatankuasa Kerja Pusat atau pengabulan rayaannya oleh Jawatankuasa Pusat.

11.8 Jawatankuasa Pusat atau Jawatankuasa Kerja Pusat mungkin menolak permohonan tanpa memberi sebarang sebab.

12. **\*BAYARAN KEMASUKAN DAN YURAN**

Dipinda  
24 Ogos 2003

- 12.1 a) bayaran kemasukan ialah RM2.00
- b) yuran tahunan bagi Ahli Biasa ialah,
  - (i) RM2.00 setahun; atau
  - \*(ii) bayaran sekali sebanyak RM50.00
- c) \*Ahli Seumur Hidup tidak bayar sebarang yuran tahunan;
- d) yuran tahunan untuk Ahli Bersekutu-RM100.00

12.2 Yuran tahunan harus dibayar pada atau sebelum 30 Jun tahun semasa, kecuali jika Ahli Biasa berkenaan memilih bayaran sekali yang disebutkan dalam Artikel 12.1(b)(ii), yang mana Ahli Biasa berkenaan tidaklah perlu membayar yuran tahunan pada tahun-tahun berikutnya.

Dipinda  
30 Sept. 2001

12.3 Sebarang ahli yang membiarkan tunggakan yurannya melebihi dua tahun akan secara automatik berhenti sebagai seorang ahli Parti ini. Dia bagaimanapun, boleh diterima semula atas budi bicara Jawatankuasa Kerja Pusat selepas menjelaskan semua tunggakannya.

12.4 Jawatankuasa Kerja Pusat mungkin mengenakan pada ahlinya yuran atau bayaran khas untuk sebarang tujuan. Jika terdapat ahli yang gagal membayar yuran atau bayaran khas dalam tempoh yang mungkin ditetapkan, jumlah yang dikenakan akan diambil kira sama seperti tunggakan untuk yuran tahunan.

12.5 Jawatankuasa Kerja Pusat akan mempunyai kuasa untuk mengecualikan bayaran yang dikenakan pada sebarang ahli atas sebab kesusahan semasa menerima permohonan daripada ahli berkenaan.

13. **HAK-HAK AHLI**

13.1 Kecuali yang lain diperuntukkan dalam Perlembagaan ini, seorang ahli akan berhak:-

- a) menghadiri dan berucap di semua mesyuarat yang dia berhak hadir;
- b) mengundi dalam semua mesyuarat yang dia berhak hadir;
- c) memegang jawatan dalam Parti di mana dia mungkin dengan sahnya dipilih atau dilantik; dan
- d) mempunyai kesempatan untuk menggunakan kemudahan-kemudahan sedemikian dengan munasabah seperti mana Parti ini mungkin menyediakan.

13.2 Seorang ahli tidak akan berhak mengundi di dalam sebarang mesyuarat atau pemilihan parti melainkan jika beliau adalah seorang ahli, yang layak mengundi, wakil yang dipilih atau dilantik secara sah, atau jika beliau telah

Dipinda  
30 Sept. 2001

mendapat kelulusan secara bertulis daripada Jawatankuasa Kerja Pusat.

- 13.3 Seorang ahli tidak berhak bertanding sebagai seorang calon dalam pemilihan parti melainkan beliau seorang calon yang layak seperti mana yang termaktub di bawah Artikel 41 perlembagaan ini atau melainkan beliau telah mendapat kelulusan bertulis daripada Jawatankuasa Kerja Pusat.
- 13.4 Satu Ahli Bersekutu tidak akan mempunyai sebarang hak kecuali menamakan wakil-wakil sedemikian apabila diminta oleh Jawatankuasa Pusat Parti dari masa ke masa untuk menduduki dalam Jawatankuasa Pusat atau dalam sebarang jawatankuasa kecil untuk sebarang tujuan spesifik atau am. Wakil-wakil sedemikian yang dinamakan daripada suatu Ahli Bersekutu tidak akan berhak untuk mengundi.

Dipinda  
24 Okt. 1997

**14. PEMINDAHAN AHLI**

- 14.1 Seorang ahli yang tempat kediaman atau tempat kerjanya terletak dalam Cawangan lain boleh memohon untuk berpindah ke Cawangan baru dengan mengemukakan satu permohonan dalam tiga salinan kepada Setiausaha Agung.
- 14.2 Setiausaha Agung akan mengabulkan permohonan ini kecuali beliau mempunyai alasan yang munasabah untuk tidak bersetuju dengan perpindahan ini.
- 14.3 Setiausaha Agung akan memaklumkan Cawangan yang sedia ada Cawangan yang dia dipindahkan dengan menghantar kepada Setiausaha setiap Cawangan berkenaan satu salinan permohonan untuk pemindahan bersama pengabulan yang diberi.

**15. PENGUNDURAN DIRI SEBAGAI AHLI**

- 15.1 Seorang ahli yang ingin mengundurkan diri daripada Parti hendaklah memberi notis 30 hari secara bertulis kepada Setiausaha Cawangannya dan satu salinan kepada Jawatankuasa Kerja Pusat melalui Setiausaha Agung dan hendaklah mengembalikan kad keahliannya dan harta milikan Parti kepada Parti dan harus membayar semua tunggakannya.
- 15.2 Setiausaha Cawangan akan dengan segera memaklumkan Setiausaha-Setiausaha dalam Bahagian dan Jawatankuasa Perhubungan Negeri berkenaan pengunduran diri ahli ini.
- 15.3 Tiada notis mengenai pengunduran diri akan diterima daripada sebarang ahli yang dikehendaki membebaskan diri dari sebarang tuduhan disiplin atau tindakan disiplin terhadapnya mengikut peruntukan di bawah Artikel 17 Perlembagaan ini.
- 15.4 Seorang Ahli Bersekutu boleh mengundurkan keahliannya dengan memberi notis 30 hari secara bertulis kepada Setiausaha Agung. Setiausaha Agung akan melaporkan pengunduran diri sedemikian kepada Jawatankuasa Kerja Pusat.

**16. PERLUCUTAN KEAHLIAN**

- 16.1 Sebarang ahli yang diketahui atau diperlihatkan sebagai seorang ahli yang dibatalkan keahlian di bawah Artikel 9 atau telah berhenti untuk mempunyai kelayakan keahlian, boleh dilucutkan keahlian oleh Jawatankuasa Kerja Pusat.
- 16.2 Tiada orang yang akan dilucutkan keahliannya kecuali satu penyiasatan diadakan untuk menentukan sama ada dia hilang kelayakan. Untuk tujuan mengadakan penyiasatan demikian Jawatankuasa Kerja Pusat akan

- melantik satu jawatankuasa kecil khas yang tidak kurang daripada tiga ahli yang akan membuat cadangan selepas mendengar semua bukti kepada Jawatankuasa Kerja Pusat untuk satu keputusan diambilnya.
- 16.3 Keputusan Jawatankuasa Kerja Pusat adalah muktamad.
- 16.4 (*Dimansuhkan*)
17. **PENGGANTUNGAN DAN PERLUCUTAN**
- 17.1 Jawatankuasa Kerja Pusat boleh menggantungkan sebarang ahli Parti atas perbuatan yang bercanggah dengan kepentingan Parti sementara menunggu penyiasatan yang dijalankan oleh Jawatankuasa Disiplin Nasional. Penggantungan demikian hendaklah disemak setiap 6 bulan jika tidak dilepaskan lebih awal. Sepanjang penggantungan, ahli yang berkenaan tidak boleh menyertai sebarang aktiviti Parti, dan dianggap juga sebagai digantung daripada sebarang jawatan Parti, samada terpilih atau dilantik.
- 17.2 Jawatankuasa Disiplin Nasional akan bertindak serta merta sebaik menerima surat tunjuk sebab dengan menjalankan penyiasatan dan membuat laporan serta cadangan kepada Jawatankuasa Kerja Pusat.
- 17.3 Sebarang ahli yang tidak bersetuju dengan keputusan Jawatankuasa Kerja Pusat berhak untuk merayu kepada Jawatankuasa Pusat dalam masa 14 hari selepas dia dimaklumkan keputusan sedemikian oleh Jawatankuasa Kerja Pusat. Keputusan Jawatankuasa Pusat hendaklah dianggap muktamad dan tidak boleh dicabar di sebarang mahkamah.
- 17.4 **(ARTIKEL 17.4 PERLU DITUKARKAN KE 17.3)**
- 17.5 (*Dimansuhkan*)
18. **PENDAFTARAN AHLI**
- 18.1 Setiap Cawangan, Bahagian dan Jawatankuasa Perhubungan Negeri akan menyimpan satu daftar ahlinya dalam borang yang ditetapkan oleh Setiausaha Agung.
- 18.2 Sekretariat Parti akan menyimpan satu daftar semua ahli di pejabat berdaftar.
- 18.3 Pendaftaran sedemikian hendaklah dikemaskinikan dari masa ke masa dan sebarang perubahan dalam keahlian hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Agung untuk pengesahan.
- 18.4 Di atas kematian atau perlucutan seseorang ahli, keahliannya akan dianggap telah berhenti dan namanya harus dibatalkan dari daftar ahli.
- 18.5 Daftar ahli tidak kira disimpan di mana-mana harus disediakan untuk penyemakan oleh seseorang ahli atas notis 14 hari diberi secara bertulis kepada Setiausaha Cawangan, Bahagian atau Negerinya atau kepada Setiausaha Agung sepetimana yang mungkin.
- BAHAGIAN IV***  
***CAWANGAN-CAWANGAN***
19. **PENUBUHAN**

- 19.1 Satu Cawangan mungkin ditubuhkan di satu kawasan dengan sekurang-kurangnya 50 ahli, berhubung kepada satu daerah mengundi atau satu kombinasi daerah mengundi di kawasan pilihan raya atau dengan cara lain seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Kerja Pusat. Bilangan maksimum Cawangan yang ditubuhkan di satu Bahagian mesti tidak melebihi 18 kecuali jawatankuasa Kerja Pusat dengan persetujuan Jawatankuasa Pusat selepas berbincang dengan Jawatankuasa Negeri berkenaan mumutuskan sebaliknya. Cawangan-cawangan sedemikian hendaklah diaghik dengan sama rata dalam bilangan kawasan pilihan raya negeri di Bahagian tersebut kecuali yang lain diluluskan oleh Jawatankuasa Kerja Pusat.
- Dipinda  
01 Nov 2009*
- 19.2 Satu Cawangan yang didirikan akan dikenali dengan nama yang sama seperti daerah mengundi dalam mana Cawangan didirikan atau dikenali oleh sebarang nama lain yang dikabulkan oleh Jawatankuasa Kerja Pusat dalam perundingan dengan Jawatankuasa Kerja Negeri.
- Dipinda  
24 Ogos 2003*
- 19.3 Tiada Cawangan mungkin ditubuhkan tanpa mendapat kelulusan Jawatankuasa Kerja Pusat dalam perundingan dengan Jawatankuasa Perhubungan Negeri berkenaan dan kelulusan Pendaftar Pertubuhan Malaysia.
20. **JAWATANKUASA**
- a) seorang Pengerusi akan dipilih daripada ahli Cawangan atau dilantik oleh Jawatankuasa Kerja Pusat seperti yang diperuntukkan dalam Artikel 78.3;
  - b) seorang atau lebih Naib Pengerusi akan dilantik oleh Pengerusi daripada ahli-ahli jawatankuasa;
  - c) seorang Setiausaha akan dilantik oleh Pengerusi daripada ahli-ahli jawatankuasa;
  - d) seorang Penolong Setiausaha, jika dianggap perlu, akan dilantik oleh Setiausaha daripada ahli-ahli jawatankuasa;
  - e) seorang Bendahari akan dilantik oleh Pengerusi daripada ahli-ahli jawatankuasa;
  - f) seorang Pegawai Perhubungan Pusat ditugaskan atau dilantik oleh Jawatankuasa Kerja Pusat;
  - g) ahli-ahli jawatankuasa biasa yang terdiri daripada:-
    - i) Pengerusi Cawangan untuk Wanita, jika ada;
    - ii) Pengerusi Cawangan untuk Pemuda, jika ada;
    - iii) 6 ahli lain akan dipilih daripada ahli-ahli Cawangan ini.
  - iv) lain-lain ahli yang tidak melebihi 3 yang mungkin dilantik oleh Jawatankuasa Kerja Pusat.
- Dipinda  
24 Okt. 1997*
- 20.2 Seorang ahli yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri atau Parlimen di kawasan yang meliputi Cawangan-Cawangan ini hendaklah menjadi ahli ex-officio semua jawatankuasa Cawangan ini kecuali beliau telah dipilih atau dilantik sebagai seorang pemegang jawatan.
- Dipinda  
24 Ogos 2003*
21. **BIRO-BIRO CAWANGAN DAN SUBCAWANGAN**
- (a) Satu Jawatankuasa Cawangan boleh menubuhkan Biro-biro Cawangan daripada ahli-ahli Cawangan berkenaan.
  - (b) (i) Satu subcawangan boleh ditubuhkan dalam satu cawangan berpadanan dengan satu kawasan pengundian atau kawasannya atau dengan cara lain yang diluluskan oleh Jawatankuasa Kerja Negeri;
  - (ii) Setiap subcawangan hendaklah mempunyai tidak kurang daripada 20 ahli;
- Dipinda  
24 Ogos 2003*
- Tambah  
24 Ogos 2003*
- Tambah  
24 Ogos 2003*
- Tambah  
24 Ogos 2003*

- (iii) Bilangan subcawangan dalam satu cawangan hendaklah tidak melebihi 12;  
(iv) Satu subcawangan hendaklah mempunyai seorang pengerusi dan 6 ahli jawatankuasa.
- Tambah*  
24 Ogos 2003  
*Tambah*  
24 Ogos 2003

**22. WANITA/PEMUDA CAWANGAN**

Satu sayap Wanita/Pemuda boleh ditubuhkan di sebuah Cawangan mengikut Peraturan-peraturan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pusat.

*Dipinda*  
24 Ogos 2003

**23. MASA UNTUK PEMILIHAN PEMEGANG JAWATAN CAWANGAN**

- 23.1 Satu Cawangan hendaklah memilih pemegang-pemegang jawatannya dalam tahun pemilihan yang diadakan sekali setiap tiga tahun.
- 23.2 Satu Cawangan akan memilih seorang wakil ke Bahagiannya untuk setiap 25 ahli pengundian genap atau sebahagian daripadanya di dalam daftar ahli yang layak. Tertakluk kepada syarat selalunya bahawa setiap Cawangan akan diwakili oleh sekurang-kurangnya 3 tetapi tidak melebihi 10 wakil yang mana seorang akan merupakan Pengerusi Cawangan.
- 23.3 Satu Cawangan akan memilih dua orang wakil ke Persidangan Perwakilan Negeri daripada ahli-ahli pengundian dalam daftar ahli yang layak yang mana salah seorang wakil akan merupakan Pengerusi.
- 23.4 Seorang Pengerusi Cawangan hendaklah secara automatik menjadi seorang wakil ke Persidangan Perwakilan Nasional melainkan dia seorang Ahli Jawatankuasa Pusat yang sedia ada (mengikut Artikel 35.1(a)), yang mana dia hendaklah melantik secara bertulis seorang wakil yang lain daripada ahli-ahli dalam Jawatankuasa Cawangan.
- 23.5 Satu Cawangan tidak akan berhak memilih sebarang wakil dalam satu tahun pemilihan dalam mana Cawangan tidak mempunyai sekurang-kurangnya 50 ahli pengundian.

**BAHAGIAN V**  
**BAHAGIAN-BAHAGIAN**

**24. PENUBUHAN**

24.1 Satu Bahagian akan ditubuhkan dalam satu kawasan pilihan raya Parlimen dengan sekurang-kurangnya 4 Cawangan.

*Dipinda*  
24 Ogos 2003

- 24.2 Satu Bahagian yang ditubuhkan demikian akan dikenali dengan nama yang sama seperti kawasan pilihan raya Parlimen dalam mana Bahagian ini ditubuhkan.
- 24.3 Tiada Bahagian mungkin ditubuhkan tanpa mendapat pengabulan dari Jawatankuasa Kerja Pusat dalam perundingan dengan Jawankuasa Perhubungan Negeri berkenaan dan pengabulan Pendaftar Pertubuhan Malaysia.

*Bahasa Inggeris*  
*Versi Dipinda*  
24 Ogos 2003

**25. JAWATANKUASA**

- 25.1 Satu Bahagian akan mempunyai satu jawatankuasa yang terdiri daripada:-
- seorang Pengerusi yang akan dipilih daripada wakil-wakil Cawangan ke Bahagian atau dilantik oleh Jawatankuasa Kerja Pusat seperti yang diperuntukkan dalam Artikel 78.3;
  - seorang atau lebih Naib Pengerusi yang akan dilantik oleh Pengerusi dari ahli-ahli jawatankuasa;
- Dipinda*  
24 Okt. 1997

- c) seorang Setiausaha yang akan dilantik oleh Pengerusi daripada ahli-ahli jawatankuasa;
  - d) seorang Penolong Setiausaha, jika perlu akan dilantik oleh Setiausaha daripada ahli-ahli jawatankuasa;
  - e) seorang Bendahari yang akan dilantik oleh Pengerusi daripada ahli-ahli jawatankuasa;
  - f) seorang Pegawai Perhubungan Pusat yang akan ditugaskan atau dilantik oleh Jawatankuasa Kerja Pusat;
  - g) ahli-ahli jawatankuasa biasa yang terdiri daripada:-
    - i) Pengerusi Bahagian untuk Wanita, jika ada;
    - ii) Pengerusi Bahagian untuk Pemuda, jika ada;
    - iii) Semua pengerusi Cawangan, atau dalam keadaan Pengerusi sebarang cawangan dipilih sebagai pengerusi Bahagian, Jawatankuasa Cawangan berkenaan boleh memilih wakil yang lain;
    - iv) 6 ahli lain akan dipilih daripada wakil-wakil Cawangan ke Bahagian ini.
    - v) ahli-ahli sedemikian yang tidak melebihi 3 yang mungkin dilantik oleh Jawatankuasa Kerja Pusat.
- 25.2 Seorang ahli yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri atau Parlimen di kawasan Bahagian ini berada hendaklah menjadi ahli jawatankuasa ini kecuali beliau telah dipilih atau dilantik sebagai seorang pemegang jawatan.
26. **BIRO-BIRO BAHAGIAN**  
 Satu jawatankuasa Bahagian mungkin menujuhkan Biro-biro Bahagian daripada ahli-ahli Bahagian berkenaan.
27. **WANITA/PEMUDA BAHAGIAN**  
 Satu sayap Wanita/Pemuda boleh ditubuhkan dalam satu Bahagian mengikut Peraturan-peraturan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pusat.
28. **MASA UNTUK PEMILIHAN PEMEGANG JAWATAN BAHAGIAN**
- 28.1 Satu Bahagian akan memilih pemegang jawatan dalam tahun pemilihan sekali setiap tiga tahun.
- 28.2 Satu Bahagian akan memilih, seorang wakil ke Persidangan Perwakilan Negeri, dari wakil-wakil Bahagian. Wakil itu seharusnya pengerusi Bahagian, melainkan beliau sudah menjadi seorang wakil oleh kerana peruntukan Artikel 23.3.
- 28.3 Bahagian akan berhak memilih tiga (3) wakil daripada wakil-wakil Bahagian ke Persidangan Perwakilan Nasional. Salah seorang wakil mestilah pengerusi Bahagian, melainkan beliau sudah menjadi seorang wakil oleh kerana peruntukan Artikel 23.3.
- 28.4 Satu Bahagian tidak akan berhak memilih sebarang wakil dalam satu tahun pemilihan di mana Bahagian berkenaan tidak mempunyai sekurang-kurangnya 4 Cawangan dengan 50 ahli pengundian di setiap Cawangan.
- BAHAGIAN VI***  
***PERSIDANGAN PERWAKILAN NEGERI***
29. **PENUBUHAN**
- 29.1 Satu Persidangan Perwakilan Negeri akan ditubuhkan di sebuah negeri di mana terdapat sekurang-kurangnya dua Bahagian.
- 29.2 Satu Persidangan Perwakilan Negeri akan terdiri daripada wakil-wakil yang dipilih daripada ahli-ahli pengundian dari Cawangan-Cawangan dan wakil-

Dipinda  
24 Ogos 2003

Dipinda  
24 Ogos 2003

Dipinda  
30 Jan. 1997

Dipinda  
24 Ogos 2003

Dipinda  
2 Sept 2006

Dipinda  
30 Sept. 2001

Dipinda  
30 Sept. 2001

Dipinda  
24 Ogos 2003

Dipinda  
30 Sept. 2001

- wakil dari Bahagian-bahagian di negeri yang sama.
- 29.3 Di sebuah negeri tanpa Persidangan Perwakilan Negeri, Cawangan-cawangan dan Bahagian-bahagian akan menghantar wakil-wakil mereka ke Persidangan Perwakilan Negeri mana-mana negeri seperti yang diarahkan oleh Jawatankuasa Kerja Pusat.
- 29.4 Ahli yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri atau Ahli Parlimen bagi kawasan pilihanraya terletak dalam Negeri berkenaan boleh hadir, tetapi tiada hak untuk mengundi, sekiranya mereka bukan wakil yang terkandung dalam Artikel 23.3 atau 28.2.
- Tambah  
2 Sept 2006*
30. **JAWATANKUASA PERHUBUNGAN NEGERI**
- 30.1 Satu Persidangan Perwakilan Negeri akan mempunyai satu jawatankuasa dikenali sebagai Jawatankuasa Perhubungan Negeri yang terdiri daripada:-
- a) seorang Pengerusi yang akan dipilih daripada wakil-wakil di Persidangan Perwakilan Negeri atau dilantik oleh Jawatankuasa Kerja Pusat seperti yang diperuntukkan dalam Artikel 78.3;
  - b) seorang atau lebih Naib Pengerusi yang akan dilantik oleh Pengerusi daripada ahli-ahli jawatankuasa;
  - c) seorang Setiausaha akan dipilih daripada wakil di Persidangan Perwakilan Negeri dan jika perlu, seorang Penolong Setiausaha akan dilantik oleh Setiausaha.
  - d) seorang Bendahari akan dilantik oleh Pengerusi daripada ahli-ahli jawatankuasa.
  - e) seorang Pengawai Perhubungan Pusat akan dilantik oleh Jawatankuasa Kerja Pusat;
  - f) ahli-ahli jawatankuasa biasa yang terdiri daripada:-
- i) Semua Pengerusi Bahagian di Negeri, atau dalam keadaan Pengerusi sebarang Bahagian dipilih sebagai pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Negeri, Jalatankuasa Bahagian berkenaan boleh memilih wakil yang lain;
  - ii) Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Negeri untuk Wanita, jika ada;
  - iii) Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Negeri untuk Pemuda, jika ada;
  - iv) 6 ahli lain akan dipilih daripada wakil-wakil ke Negeri;
  - v) lain-lain ahli sedemikian yang tidak melebihi 3 sepertimana yang mungkin dilantik oleh Jawatankuasa Kerja Pusat.
- Dipinda  
24 Okt. 1997*
- 30.2 Ahli-ahli yang merupakan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri atau Parlimen di Negeri ini hendaklah menjadi ahli-ahli jawatankuasa ini kecuali mereka telah dipilih atau dilantik sebagai pemegang jawatan.
- Dipinda  
24 Ogos 2003*
31. **JAWATANKUASA KERJA NEGERI**
- Tertakluk kepada pengabulan dari Presiden, Pengerusi untuk Jawatankuasa Perhubungan Negeri mungkin, untuk tujuan melaksanakan pentadbiran biasa dan untuk menguruskan keadaan kecemasan melantik suatu Jawatankuasa Kerja Negeri yang didirikan dirinya sendiri sebagai Pengerusi, dan bilangan ahli jawatankuasa lain sedemikian yang tidak melebihi 5 sepertimana yang dia anggap sesuai.
32. **BIRO-BIRO NEGERI**
- Satu Jawatankuasa Perhubungan Negeri boleh menubuhkan Biro-biro Negeri daripada ahli-ahli Negeri berkenaan.
- Dipinda  
24 Ogos 2003*
33. **WANITA/PEMUDA NEGERI**

Satu sayap Wanita/Pemuda boleh ditubuhkan di sesebuah negeri mengikut Peraturan-peraturan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pusat.

Dipinda  
24 Ogos 2003

34. **MASA UNTUK PEMILIHAN PEMEGANG JAWATAN NEGERI**

34.1 Satu Persidangan Perwakilan Negeri akan memilih pemegang-pemegang jawatan dan wakil-wakil dalam tahun pemilihan sekali setiap tiga tahun.

Dipinda  
24 Okt. 1997

34.2 Persidangan Perwakilan Negeri akan berhak memilih 5 wakil daripada wakil-wakil untuk mewakiliannya di Persidangan Perwakilan Nasional. Salah seorang wakil mestilah Pengerusi melainkan dia sudah seorang wakil mengikut Artikel 23.4 atau 28.3.

Dipinda  
30 Sept. 2001  
Tambah  
2 Sept 2006

***BAHAGIAN VII***  
***PERSIDANGAN PERWAKILAN NASIONAL***

35. **WAKIL-WAKIL KE PERSIDANGAN PERWAKILAN NASIONAL**

35.1 Wakil-wakil ke Persidangan Perwakilan Nasional akan terdiri daripada:-

- a) ahli-ahli Jawatankuasa Pusat yang sedia ada;
- b) wakil-wakil yang dipilih oleh Bahagian-bahagian dan Persidangan Perwakilan Negeri masing-masing ke Persidangan Perwakilan Nasional;
- c) Pengerusi-pengerusi Cawangan atau wakil-wakil yang dilantik mengikut Artikel 23.4;
- d) Tidak melebihi lima orang wakil yang dipilih daripada Persidangan Perwakilan Wanita Negeri;
- e) Tidak melebihi lima orang wakil yang dipilih daripada Persidangan Perwakilan Pemuda Negeri.

Dipinda  
24 Ogos 2003  
Dipinda  
24 Ogos 2003

35.2 Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang merupakan ahli-ahli Parti boleh menghadiri tetapi tidak berhak mengundi jika mereka bukan wakil yang termasuk dalam Artikel 35.1 di atas.

36. **JAWATANKUASA PUSAT**

Jawatankuasa Pusat akan terdiri daripada:-

- a) Presiden yang akan dipilih daripada wakil-wakil di Persidangan Perwakilan Nasional;
- b) seorang Timbalan Presiden yang akan dipilih daripada wakil-wakil di Persidangan Perwakilan Nasional;
- c) Naib Presiden terdiri daripada:-
  - i) tiga Naib Presiden yang akan dipilih daripada wakil-wakil;
  - ii) tidak melebihi 5 Naib Presiden yang akan dilantik oleh Jawatankuasa Pusat;
  - iii) Ketua Wanita Nasional (Wanita Gerakan);
  - iv) Ketua Pemuda Nasional (Pemuda Gerakan);
- d) Setiausaha Agung akan dilantik daripada ahli-ahli Jawatankuasa Pusat oleh Presiden dengan persetujuan Jawatankuasa Pusat;
- e) Bendahari Nasional akan dilantik daripada ahli-ahli Jawatankuasa Pusat oleh Presiden dengan persetujuan Jawatankuasa Pusat;
- f) tidak lebih daripada tiga orang Timbalan Setiausaha Agung akan dilantik daripada ahli-ahli Jawatankuasa Pusat atau daripada Ahli-ahli Parti Yang Mengundi oleh Setiausaha Agung melalui rundingan dengan Presiden;
- g) seorang Timbalan Bendahari Nasional akan dilantik oleh Bendahari Nasional daripada ahli-ahli Jawatankuasa Pusat atau daripada Ahli-ahli Parti Yang Mengundi selepas melalui rundingan dengan Presiden;
- h) Pengerusi Persidangan Perwakilan Nasional yang akan dipilih oleh

Dipinda  
24 Okt. 1997  
Dipinda  
24 Okt. 1997  
Dipinda  
01 Nov 2009

Dipinda  
01 Nov 2009

- ahli-ahli Jawatankuasa Pusat;
- i) seorang Timbalan Pengerusi Persidangan Perwakilan Nasional akan dilantik oleh Pengerusi;
- j) lain-lain ahli terdiri daripada: -
  - i) 6 Ahli Seumur Hidup akan dipilih daripada Ahli-ahli Majlis Ahli Seumur Hidup;
  - ii) 18 ahli akan dipilih daripada wakil-wakil di Persidangan Perwakilan Nasional;
  - iii) tidak melebihi 6 ahli dilantik oleh Presiden dengan persetujuan Jawatankuasa Pusat.
- k) *(Dimansuhkan)*

*Dipinda*  
24 Ogos 2003  
*Dipinda*  
30 Jan. 1997  
*Dipinda*  
24 Ogos 2003

*Dipinda*  
2 Sept 2006

### 37. JAWATANKUASA KERJA PUSAT

- 37.1 Presiden mungkin dengan tujuan menjalankan pentadbiran biasa dan untuk menguruskan keadaan atau perkara kecemasan, menubuhkan satu Jawatankuasa Kerja Pusat terdiri daripada beliau sendiri sebagai Pengerusi dan melantik Timbalan Presiden, Setiausaha Agung, Bendahari Nasional dan lain-lain ahli sedemikian tidak melebihi 10 seperti mana yang beliau anggap sesuai.
- 37.2 Jawatankuasa Kerja Pusat akan bertemu sekerap yang perlu. Separuh daripada ahlinya akan membentuk kuorum itu. Setiausaha Agung mungkin dengan pengabulan Presiden menjemput sebarang ahli Parti menghadiri sebarang mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat.
- 37.3 Keputusan Jawatankuasa Kerja Pusat hendaklah dicapai dengan sebulat suara dan Setiausaha Agung akan melaporkan keputusan sedemikian serta membentangkan minit mesyuarat kepada Jawatankuasa Pusat untuk maklumatnya dan tindakan yang perlu.

### 38. BIRO-BIRO NASIONAL

- 38.1 Jawatankuasa Pusat mungkin menubuhkan sebarang Biro Nasional atau biro-biro dan melantik Pengerusi-pengerusi mereka dari ahli-ahli jawatankuasanya atau daripada Ahli-ahli Parti yang mengundi. (TAMBAHAN NOMBOR 38.1)
- 38.2 Jawatankuasa Pusat akan melantik lima ahli Jawatankuasa Disiplin Nasional daripada ahli Majlis Ahli Seumur Hidup yang tidak berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Pusat semasa yang terlantik ataupun terpilih antaranya termasuk:
  - a) Seorang Pengerusi
  - b) Seorang Timbalan Pengerusi yang akan mengambil alih peranan Pengerusi semasa ketidakhadiran Pengerusi
  - c) Tiga ahli Jawatankuasa yang lain
  - d) Jawatankuasa akan menyiasat dan membuat pertanyaan seperti mana yang diarahkan oleh Jawatankuasa Kerja Pusat, apabila dimaklumkan atau melalui usaha sendiri:
    - (i) kehilangan semua kelayakan untuk seorang ahli di bawah Artikel 9 atau seorang ahli yang kehilangan kelayakan yang dikehendaki untuk menjadi seorang ahli;
    - (ii) mana-mana tindakan yang dianggap menjelaskan kepentingan parti, terutama sekali dengan melanggar Perlembagaan atau peraturan-peraturan ataupun menimbulkan kekecohan dan pemecahan dalam parti;
    - (iii) setiap 6 bulan dengan keinginan untuk meneruskan pergantungan bagi mana-mana ahli.
  - e) Perjumpaan Jawatankuasa akan diadakan sekerap yang diperlukan. Kuorum adalah tiga ahli.

*Tambah*  
18 Oct 2014

*Tambah*  
18 Oct 2014

- f) Mana-mana ahli di bawah penyiasatan akan dipanggil untuk menghadiri perjumpaan dengan Jawatankuasa untuk menentukan sama ada beliau menerima kesan tindakan disiplin tersebut dan harus diberikan peluang untuk menjelaskan tindakannya, termasuklah mengemukakan saksi.
- g) Jawatankuasa akan membentangkan cadangannya kepada Jawatankuasa Kerja Pusat dan harus menyertakan cadangan untuk melepaskan, menghukum atau memecat ahli tersebut.

**39. WANITA/PEMUDA NASIONAL**

Satu sayap Wanita/Pemuda Nasional boleh ditubuhkan mengikut Peraturan-peraturan Parti.

**40. MASA UNTUK PEMILIHAN PEMEGANG JAWATAN NATIONAL**

Persidangan Perwakilan Nasional akan memilih pemegang-pemegang jawatannya ke Jawatankuasa Pusat dalam tahun pemilihan sekali untuk setiap 3 tahun.

***BAHAGIAN VIII***  
***PEMILIHAN PEMEGANG-PEMEGANG JAWATAN DAN PENGUNDIAN***  
***SECARA UMUN***

**41. KELAYAKAN CALON**

- 41.1 Kecuali yang lain diperuntukkan di bawah Perlembagaan ini seseorang ahli layak mengundi boleh bertanding untuk sebarang jawatan dalam Cawangan yang dia berdaftar sebagai ahli; bagaimanapun, ahli layak mengundi yang menjadi pengurus Cawangan tetapi gagal menghadiri Persidangan Perwakilan Nasional dua kali berturut-turut, tidak boleh lagi bertanding sebagai calon Pengurus di mana-mana Cawangan tanpa kebenaran daripada Jawatankuasa Kerja Pusat.
- 41.2 Seseorang ahli pengundian berhak menjadi calon dan bertanding untuk sebarang jawatan dalam Bahagian, Persidangan Perwakilan Negeri atau Persidangan Perwakilan Nasional dengan syarat dia telah dipilih sebagai wakil ke Bahagian, Persidangan Perwakilan Negeri atau Persidangan Perwakilan Nasional.
- 41.3 Penamaan calon dan pemilihan pemegang-pemegang jawatan mesti berlandaskan Peraturan Pemilihan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pusat, khususnya untuk mematuhi peraturan mandatori bagi menghadkan Presiden atau Pengurus Negeri sedia ada yang telah berkhidmat selama 3 tempoh secara berturut-turut wajib berhenti daripada terus menjawat jawatan tersebut.
- 41.4 Daftar keahlian yang layak untuk pemilihan mesti merupakan senarai ahli-ahli pengundian pada 1 Januari pada tahun semasa di mana pemilihan diadakan seperti mana yang disahkan oleh Setiausaha Agung.

*Dipinda  
30 Jan. 1997*

*Dipinda  
18 Oct 2014*

**42. PENGUNDIAN DI MESYUARAT**

- 42.1 Pengundian akan dilaksanakan melalui undi rahsia sahaja. Tertakluk bahawa dalam sebarang usul yang melibatkan urusan selain daripada pemilihan pemegang-pemegang jawatan, mesyuarat mungkin memutuskan mengundi melalui pertunjukan tangan.
- 42.2 Tiada pengundian melalui proksi akan diizinkan di sebarang mesyuarat.
- 42.3 Setiap ahli yang merupakan ahli pengundian berhak mengundi atas

sebarang resolusi atau pemilihan di sebarang mesyuarat:-

- a) Cawangan di mana dia berdaftar sebagai ahli;
  - b) Bahagian di mana dia adalah seorang wakil;
  - c) Persidangan Perwakilan Negeri di mana dia adalah seorang wakil;
  - d) Persidangan Perwakilan Nasional di mana dia adalah seorang wakil;
  - e) sebarang jawatankuasa di mana dia sebagai ahli.
- 42.4 Setiap ahli yang layak mengundi hanya mempunyai satu undi sahaja.
- 42.5 Kecuali lain diperuntukkan secara nyata dalam Perlembagaan ini, sebarang perkara yang perlu diundi akan ditetapkan melalui majoriti ringkas daripada ahli-ahli yang hadir. Dalam kes di mana terdapat persamaan undi, Pengerusi akan mempunyai satu undi yang muktamad.
- 42.6 Dua atau lebih ahli dalam satu Cawangan, Bahagian, Persidangan Perwakilan Negeri atau Persidangan Perwakilan Nasional yang mengadakan pemilihan akan dipilih di mesyuarat itu sebagai pemeriksa undi dan mengira undi-undi yang telah dibuang dan mereka akan melaksanakan tugasnya di bawah seorang penyelia yang akan dipilih dengan cara yang sama.
- 42.7 Sebarang jawatankuasa atau jawatankuasa kecil mungkin tanpa bermesyuarat bersama, menguruskan sebarang urusan kecemasan melalui surat pekeliling atas persetujuan Pengerusi dan sebarang usul mungkin diundi oleh ahli-ahlinya melalui pengiriman undi-undinya kepada Pengerusi berkenaan.
- 42.8 Sebarang usul yang diedarkan untuk pengundian mesti dikirim melalui pos berdaftar kepada semua ahli yang layak mengundi. Tertakluk bahawa usul itu akan menjadi tidak layak kecuali tidak kurang daripada separuh ahlinya yang menerima pos berdaftar telah mengundi atas usul itu dan mengembalikan undi mereka sebelum tarikh tutup yang sepatutnya tidak kurang daripada 14 hari bermula dari tarikh cadangan usul itu dikirim.
- 42.9 Dalam sebarang pengiraan undi yang dilaksanakan di bawah Perlembagaan ini, undi rosak atau kertas undi yang tidak bertanda tidak akan dikira sebagai satu undi yang sah.
- 42.10 Tertakluk kepada Artikel 44, kesahan untuk sebarang tatacara atau tindakan yang diambil seiring dengan sebarang peruntukan dalam Perlembagaan ini tidak akan menjadi ketidaksahan hanya kerana sebarang ahli atau ahli-ahli yang berhak mengundi atau ahli yang telah diberitahu tetapi tidak sanggup mengundi atau tidak menerima pemberitahuan sedemikian kecuali peninggalan sedemikian mempengaruhi lebih daripada suatu suku ahli-ahli yang berhak berbuat demikian.

**43. TEMPOH UNTUK PEMILIHAN**

- 43.1 Jawatankuasa Kerja Pusat, dengan kelulusan Jawatankuasa Pusat akan menetapkan tempoh masa untuk mengadakan pemilihan Cawangan, Bahagian, Persidangan Perwakilan Negeri dan Nasional, pada tahun yang mana pemilihan harus diadakan. Meskipun begitu, Jawatankuasa Kerja Pusat, dengan kelulusan Jawatankuasa Pusat mempunyai kuasa untuk menangguhkan pemilihan yang harus diadakan kepada tarikh selepas tahun yang pemilihan patut diadakan, tetapi semestinya tidak lebih lewat dari 15 bulan dari tarikh 31hb Disember tahun pemilihan berkenaan, dalam keadaan jika pemilihan adalah ditunda atas sebab Pilihanraya Umum Parlimen sudah mendekati, maka tundaan pemilihan mesti diadakan dan diselesaikan dalam masa 8 bulan dari tarikh Pilihanraya Umum.

Dipinda  
30 Sept. 2001  
Tambah  
02 Sept 2006  
Tambah  
29 Sept 2012

- |      |   |                          |
|------|---|--------------------------|
| 43.2 | (Dimansuhkan)   | Dipinda<br>30 Sept. 2001 |
| 43.3 | (Dimansuhkan)   | Dipinda<br>30 Sept. 2001 |
| 43.4 | (Dimansuhkan)   | Dipinda<br>30 Sept. 2001 |
| 43.5 | Dalam kes di mana sebarang Cawangan atau Bahagian atau Persidangan Perwakilan Negeri gagal mengadakan pemilihan dalam tempoh yang ditetapkan, Presiden atau pegawai yang dimandatkan oleh beliau berhak mengarahkan mesyuarat dan mengadakan pemilihan.   | Dipinda<br>24 Ogos 2003  |
| 43.6 | Tiada mesyuarat Umum Bahagian, Persidangan Perwakilan Negeri atau Persidangan Perwakilan Nasional akan melambatkan pemilihannya kerana kegagalan sebarang Cawangan atau Bahagian atau Persidangan Perwakilan Negeri mengadakan pemilihan dalam tempoh yang ditetapkan atau diakibatkan oleh sebarang perselisihan semasa pemilihan diadakan di sebarang Cawangan atau Bahagian atau Persidangan Perwakilan Negeri tetapi sepatutnya mengadakan pemilihan mengikut jadual tanpa perwakilan dari Cawangan atau Bahagian atau Persidangan Perwakilan Negeri yang gagal mengadakan pemilihan itu. |                          |
| 43.7 | Dalam kes di mana pemilihan Persidangan Perwakilan Nasional tidak diadakan dalam tempoh yang ditetapkan di atas, suatu permintaan mungkin dibuat supaya mengadakan suatu Persidangan Perwakilan Nasional untuk tujuan pemilihan dan permintaan sedemikian harus dibuat berdasarkan cara sepertimana diperuntukkan dalam Artikel 74.1 dan 74.2.  |                          |

**44. KESAHAN PEMILIHAN**

Tiada pemilihan akan menjadi tidak sah atas sebab kegagalan mematuhi sebarang peruntukan Perlembagaan ini atau Peraturan yang dibuat untuknya, atau penyertaan dalam pemilihan tersebut oleh mana-mana orang yang tidak layak menjadi ahli atau pemegang jawatan di bawah Perlembagaan ini atau Akta Pertubuhan, jika Jawatankuasa Pusat berpendapat keputusan pemilihan adalah sama di mana tidak wujud kegagalan mematuhi peruntukan atau orang berkenaan tidak mengambil bahagian dalam pemilihan berkenaan.

**45. KEKOSONGAN ANTARA PEMILIHAN**

- |      |  |                        |
|------|--|------------------------|
| 45.1 | Dalam kes di mana kekosongan dalam sebarang jawatan, selain dari Pengerusi Cawangan, Bahagian atau Negeri atau Presiden, wujud pada sebarang masa sebelum pemilihan akan datang, kekosongan berkenaan, setelah mendapat kelulusan Jawatankuasa Kerja Pusat, boleh dipenuhi oleh jawatankuasa dari Cawangan, Bahagian, Negeri atau Persidangan Perwakilan Nasional. Ahli yang dilantik untuk memenuhi jawatan kekosongan sedemikian akan memegang jawatan sehingga pemilihan baru diadakan oleh Cawangan, Bahagian, Negeri atau Persidangan Perwakilan Nasional berkenaan.                        | Dipinda<br>2 Sept 2006 |
| 45.2 | <p>a) Jika kekosongan yang akan dipenuhi itu Pengerusi Cawangan, Bahagian atau Negeri atau Presiden, pemilihan yang dipanggil oleh Setiausaha atau Setiausaha Agung bagi kes kekosongan untuk Presiden akan diadakan dalam 60 hari, sekiranya penggal yang dijawat kurang dari 18 bulan dari tarikh pemilihan yang lalu.</p> <p>b) Jika telah menjawat 18 bulan, bagi penggal jawatan yang tinggal,</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Timbalan Presiden akan memangku sebagai Pemangku Presiden;</li> <li>ii) Salah seorang Naib Pengerusi akan dipilih oleh Jawatankuasa</li> </ul> | Tambah<br>2 Sept 2006  |

sebagai Pemangku Pengerusi dalam mesyuarat Jawatankuasa yang dipanggil oleh Setiausaha dalam tempoh 30 hari.

46. **PENAMATAN DAN PENGGANTIAN PEMEGANG JAWATAN DALAM MESYUARAT UMUM**

Suatu Cawangan, Bahagian, Persidangan Perwakilan Negeri dan Persidangan Perwakilan Nasional akan pada sebarang masa di suatu Mesyuarat Umum meluluskan satu usul untuk menamatkan mana-mana pemegang jawatan tertakluk kepada syarat bahawa tiada usul sedemikian akan diluluskan kecuali pemegang jawatan berkenaan telah diberitahu dan bahawa usul berkenaan telah dicatat sebagai satu perkara dalam agenda notis mesyuarat dan dua pertiga daripada semua ahli yang menghadiri mesyuarat telah mengundi menyokong usul tersebut. Dalam kes di mana seorang pemegang jawatan ditamatkan, Cawangan, Bahagian, Persidangan Perwakilan Negeri atau Persidangan Perwakilan Nasional berkenaan mungkin dengan serta merta memilih seorang ahli lain untuk mengisi jawatan tersebut.

***BAHAGIAN IX  
KUASA DAN TUGAS***

47. **JAWATANKUASA CAWANGAN DAN BAHAGIAN**

47.1 Tertakluk kepada penyeliaan dan arahan Jawatankuasa Perhubungan Negeri dan Jawatankuasa Pusat, semua perkara yang melibatkan Cawangan atau Bahagian akan diuruskan oleh Jawatankuasa Cawangan atau Bahagian masing-masing.

47.2 Pengerusi Cawangan atau Bahagian kecuali apabila beliau melaksanakan fungsi-fungsi sebagai pengerusi untuk suatu mesyuarat, akan bertindak dan bercakap setelah berunding dengan Setiausaha dan Pegawai Perhubungan Pusat untuk Cawangan atau Bahagian tersebut.

47.3 Seorang Naib Pengerusi Cawangan atau Naib Pengerusi Bahagian akan apabila dimandatkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Cawangan atau Bahagian melaksanakan kuasa Pengerusi Cawangan atau Bahagian berkenaan.

48. **PERSIDANGAN PERWAKILAN NEGERI DAN JAWATANKUASA PERHUBUNGAN NEGERI**

48.1 Tertakluk kepada penyeliaan dan arahan Presiden atau Persidangan Perwakilan Nasional, suatu Persidangan Perwakilan Negeri akan menguruskan semua perkara melalui Jawatankuasa Perhubungan Negeri atau Jawatankuasa Kerja Negeri atau Pengerusi dan akan mempunyai kuasa untuk menyelia dan mengarah aktiviti-aktiviti di peringkat Cawangan dan Bahagian dalam negerinya.

48.2 Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Negeri akan, kecuali apabila dia melaksanakan fungsi-fungsi sebagai pengerusi untuk suatu mesyuarat, bertindak dan bercakap setelah berunding dengan Setiausaha dan Pegawai Perhubungan Pusat atau Jawatankuasa Perhubungan Negeri.

48.3 Naib Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Negeri apabila dimandatkan oleh Pengerusi atau Jawatankuasa Perhubungan Negeri akan melaksanakan kuasa Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Negeri.

49. **PERSIDANGAN PERWAKILAN NASIONAL DAN JAWATANKUASA PUSAT**

Persidangan Perwakilan Nasional akan mempunyai kuasa melalui

Jawatankuasa Pusat menyelia dan mengarah aktiviti-aktiviti di semua Cawangan, Bahagian dan Negeri.

50. **JAWATANKUASA KECIL**

Setiap jawatankuasa akan mempunyai kuasa mengagihkan tugasnya kepada sebarang pemegang jawatan atau suatu jawatankuasa kecil atau jawatankuasa kerja.

51. **SETIAUSAHA AGUNG**

51.1 Setiausaha Agung akan mempunyai kuasa dan tugas mentadbir dan menyelaraskan semua aktiviti Jawatankuasa Pusat dan Persidangan Perwakilan Nasional serta semua Jawatankuasa Perhubungan Negeri, Bahagian, Cawangan dan bertindak berdasarkan arahan dan perintah yang diberi serta polisi-polisi yang ditentukan oleh Persidangan Perwakilan Nasional, Jawatankuasa Pusat, Jawatankuasa Kerja Pusat dan Presiden.

51.2 Setiausaha Agung akan merupakan Ketua Pegawai Eksekutif. Beliau akan bertanggungjawab atas perlantikan Setiausaha Kerja, Setiausaha-setiausaha Organisasi dan lain-lain kakitangan Sekretariat seperti yang perlu, setelah perlantikan berkenaan telah mendapat pengabulan dari Jawatankuasa Kerja Pusat.

51.3 Setiausaha Agung akan mempunyai kuasa membuat Peraturan sepetimana yang di anggap perlu untuk kecekapan pentadbiran Sekretariat dan menentukan bidang tugas dan syarat-syarat untuk kakitangan dalam Sekretariat.

52. **TIMBALAN SETIAUSAHA AGUNG**

Timbalan Setiausaha Agung akan melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan kepada mereka oleh Setiausaha Agung.

Dipinda  
24 Okt. 1997

53. **SETIAUSAHA JAWATANKUASA**

53.1 Setiausaha Cawangan akan melaksanakan fungsi dan tugas pentadbiran Cawangan dan menyelaras semua aktiviti Cawangan dan terutamanya akan melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan kepadanya oleh Setiausaha Jawatankuasa Bahagiannya dan/atau oleh Setiausaha Agung.

53.2 Setiausaha Bahagian akan melaksanakan fungsi dan tugas pentadbiran Bahagian dan menyelaras semua aktiviti Cawangan yang mendirikan Bahagian berkenaan dan terutamanya akan melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan kepadanya oleh Setiausaha Jawatankuasa Perhubungan Negerinya dan/atau oleh Setiausaha Agung.

53.3 Setiausaha Jawatankuasa Perhubungan Negeri akan melaksanakan fungsi dan tugas pentadbiran Jawatankuasa Perhubungan Negeri dan menyelaras semua aktiviti Bahagian yang mendirikan Jawatankuasa Perhubungan Negeri berkenaan dan terutamanya akan melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan kepadanya oleh Setiausaha Agung.

54. **PENOLONG SETIAUSAHA**

Semua Penolong Setiausaha Cawangan, Bahagian dan Persidangan Perwakilan Negeri akan membantu Setiausaha-Setiausaha Cawangan, Bahagian atau Persidangan Perwakilan Negeri berkenaan.

55. **BENDAHARI NASIONAL**

55.1 Bendahari Nasional akan mempunyai kuasa dan tugas untuk menyelia,

menyemak dan mengawal kewangan Parti dan organisasinya dan semua dana serta perbelanjaan Parti termasuk juga setiap Negeri, Bahagian dan Cawangan yang akan dipegang dan dibayar olehnya dan/atau oleh sebarang orang yang diamanahkan olehnya.

- 55.2 Bendahari Nasional akan mempunyai kuasa membuat Peraturan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Pusat yang mana dia anggap perlu untuk pemungutan, pengawalan dan pentadbiran dana di Cawangan-cawangan, Bahagian-bahagian dan Persidangan Perwakilan Negeri dan akan mempunyai kuasa mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan Peraturan berkenaan dipatuhi atau dilaksanakan.

56. **TIMBALAN BENDAHARI NASIONAL**

Timbalan Bendahari Nasional akan melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan kepadaanya oleh Bendahari Nasional.

57. **BENDAHARI CAWANGAN/BAHAGIAN/NEGERI**

Semua Bendahari Cawangan, Bahagian dan Negeri akan melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan kepada mereka oleh Bendahari Nasional di samping membantunya menyelia, memeriksa dan mengawal kewangan Parti di peringkat masing-masing.

58. **PEGAWAI PERHUBUNGAN PUSAT**

Pegawai Perhubungan Pusat untuk Jawatankuasa Perhubungan Negeri, Jawatankuasa Bahagian atau Jawatankuasa Cawangan akan melaksanakan tugas-tugas kerja perhubungan sepertimana yang diamanahkan kepadanya oleh Setiausaha Agung antara jawatankuasa berkenaan di mana beliau dilantik dan Jawatankuasa Pusat.

59. **PENGERUSI BIRO**

- 59.1 Pengerusi untuk setiap Biro di Cawangan, Bahagian, Jawatankuasa Perhubungan Negeri atau Jawatankuasa Pusat akan mempunyai kuasa menyelia, mengarah dan menyeiras aktiviti-aktiviti Biro berkenaan dan melantik ahli-ahlinya sepertimana yang dianggap perlu untuk melaksanakan aktiviti-aktivitinya.

- 59.2 Pengerusi untuk setiap Biro mungkin, jika perlu, melantik seorang Setiausaha untuk membantunya dalam fungsi-fungsi dan aktiviti-aktiviti Biro berkenaan.

60. **SETIAUSAHA BIRO**

Setiausaha Biro di Cawangan, Bahagian, Jawatankuasa Perhubungan Negeri atau Jawatankuasa Pusat akan melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan kepadanya oleh Pengerusi Biro itu.

61. **PRESIDEN**

Presiden akan merupakan pemimpin Parti dan akan mempunyai kuasa dan akan melaksanakan tugas-tugas untuk menasihat, menyelia, mengarah dan menjalankan semua kegiatan Parti selepas perundingan dengan Setiausaha Agung. Beliau akan menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pusat dan Jawatankuasa Kerja Pusat.

62. **TIMBALAN PRESIDEN**

Timbalan Presiden akan membantu Presiden dan akan memangku jawatan Presiden semasa ketidakhadiran Presiden.

63. **NAIB PRESIDEN**

Seorang Naib Presiden akan membantu Presiden dan Timbalan Presiden dan apabila dikabulkan oleh Presiden dalam keadaan di mana Timbalan Presiden tidak hadir melaksanakan kuasa-kuasa Presiden.

**BAHAGIAN X**  
**KUASA-KUASA KHAS PERSIDANGAN PERWAKILAN NASIONAL**

64. **KUASA-KUASA KHAS PERSIDANGAN PERWAKILAN NASIONAL**

64.1 Tanpa prasangka kepada keitlakan kuasa-kuasa yang diperuntukkan oleh Perlembagaan ini Persidangan Perwakilan Nasional akan mempunyai kuasa-kuasa berikut:-

- a) untuk melantik dari masa ke masa jawatankuasa kecil Ad-Hoc yang dianggap sesuai untuk mempertimbangkan dan menguruskan perkara-perkara khas sepetimana yang perlu;
- b) untuk menentukan dan menyediakan bidang tugas untuk jawatankuasa kecil sedemikian yang difikirkan sesuai dan membuat Peraturan sepetimana yang perlu untuk pengawalan urusannya;
- c) untuk membuat susunan berdasarkan syarat-syarat sedemikian dan tertakluk kepada keadaan di mana Persidangan Perwakilan Nasional menganggap perlu untuk bekerjasama dengan sebarang parti politik, pertubuhan atau organisasi yang mempunyai tujuan dan objektif yang sama;
- d) untuk membuat Peraturan sepetimana Persidangan Perwakilan Nasional mungkin mempertimbangkan untuk bekerjasama dengan sebarang organisasi yang bersangkutan dengan Parti atau untuk tujuan mentakrifkan syarat dan keadaan untuk bekerjasama mengenai urusan organisasi atau mungkin dari masa ke masa dipersetujui antara Persidangan Perwakilan Nasional dengan organisasi berkenaan;
- e) tertakluk kepada artikel ini untuk mengaturkan tatacara sendiri, mengarah, mengurus dan mengawal hal ehwal Parti dan bertindak atas nama Parti;
- f) untuk membuat Peraturan sedemikian untuk pemilihan ahli-ahli dan pemegang jawatan atau untuk melaksanakan urusan Parti di semua peringkat sepetimana dari masa ke masa difikirkan perlu untuk kemajuan semua atau sebarang matlamat penubuhan Parti, tertakluk kepada syarat bahawa tiada Peraturan sedemikian akan bercanggah dengan artikel ini atau bercanggah dengan sebarang undang-undang bertulis yang mengawalkan pilihan raya untuk badan perundangan, badan awam atau lain-lain badan;
- g) untuk menyedia dan melaksanakan sebarang program demi mencapai objektif-objektif Parti;
- h) untuk mengetengahkan pandangan Parti dalam sebarang perkara yang berkaitan dengan objektif Parti atau isu yang melibatkan kepentingan umum;
- i) untuk melulus atau memastikan tindakan yang diambil atau polisi yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Pusat dan sebarang jawatankuasa serta untuk mengajih semua atau sebarang kuasanya, tertakluk kepada syarat-syarat yang difikirkan sesuai kecuali yang diperuntukkan dalam Artikel kecil (k) dalam artikel ini atau lain-lain artikel sedemikian yang mana Perlembagaan ini jelas mencegahnya dari diaghikan;
- j) untuk mengutip atau menerima sebarang derma atau sumbangan dalam bentuk wang atau barang demikian mencapai objektif Parti;
- k) tertakluk kepada Artikel 92 meminda artikel-artikel Perlembagaan ini yang difikirkan sesuai untuk mencapai sebarang objektif Parti atau untuk memperbaiki pengurusan;
- l) untuk membeli, memajak, atau menyewa atau memperolehi sebarang bentuk harta benda yang boleh alih atau kekal, dan untuk menjual,

- menukar atau menyelesaikan atau menguruskan sebarang harta benda yang boleh alih atau kekal; untuk mengenakan gadaian atau untuk memberi jaminan ke atas sebarang atau semua harta benda Parti dan untuk memperolehi pinjaman wang dengan atau tanpa jaminan;
- m) untuk mencetak atau menerbitkan surat khabar, majalah dan risalah untuk menyebarkan maklumat atas perkara yang bersangkutan dengan objektif-objektif Parti;
- n) untuk menggalak atau membantah perundangan dan langkah-langkah lain yang mempengaruhi kepentingan negara atau ahli-ahli Parti;
- o) untuk berhubung dengan badan-badan berkuasa dan dengan badan-badan yang berkaitan atas semua perkara yang mempengaruhi kepentingan nasional dan masyarakat umum;
- p) untuk melantik pemegang-pemegang amanah dan memandatkan pemegang-pemegang amanah tersebut menerima, menjalankan atau mengusahakan sebarang perjanjian amanah;
- q) untuk menguruskan semua perkara yang bersabit dengan Parti yang mana tidak diperuntukkan dalam artikel ini.
- 64.2 Persidangan Perwakilan Nasional akan mempunyai kuasa penuh untuk menguruskan dan mempunyai kawalan muktamad ke atas semua perkara dalam apa jua bentuk yang berkaitan dengan Parti.

## **BAHAGIAN XI** **PEMILIHAN CALON-CALON**

65. UNTUK KERAJAAN TEMPATAN

65.1 Tertakluk kepada Artikel 65.2, sebarang cadangan kepada Jawatankuasa Kerja Negeri untuk pencalonan bagi apa-apa jawatan pelantikan atau pemilihan selain dari pilihan raya umum atau pilihan raya kecil di mana-mana negri, mungkin dicadangkan oleh sama ada Jawatankuasa Cawangan atau Bahagian atau kedua-duanya. Jawatankuasa Kerja Negeri akan mempertimbangkan cadangan-cadangan tersebut dan menyerah pencalonan/pencalonan-pencalonan kepada Jawatankuasa Kerja Pusat.

Dipinda  
01 Nov 2009

65.2 Jawatankuasa Pusat akan membuat keputusan muktamad dengan mencalonkan seorang calon bagi jawatan tersebut.

Tambah  
01 Nov 2009

66. UNTUK PILIHAN RAYA UMUM

66.1 Tertakluk kepada Artikel 66.2, sebarang cadangan kepada Jawatankuasa Kerja Negeri untuk pencalonan bagi pilihan raya umum atau pilihan raya kecil mungkin dicadangkan oleh sama ada Jawatankuasa Cawangan atau Bahagian atau kedua-duanya. Jawatankuasa Kerja Negeri akan mempertimbangkan cadangan-cadangan tersebut dan menyerah pencalonan/pencalonan-pencalonan kepada Jawatankuasa Kerja Pusat.

Dipinda  
01 Nov 2009

66.2 Jawatankuasa Pusat akan membuat keputusan muktamad dengan mencalonkan seorang calon bagi jawatan tersebut.

Tambah  
01 Nov 2009

66.3 Kecuali jika seorang calon telah dikeluarkan Sijil Penamaan oleh Setiausaha Agung, dia tidak akan dianggap telah dinamakan oleh Parti untuk bertanding dalam pilihan raya.

Dipinda  
01 Nov 2009

## **BAHAGIAN XII** **PENGAWALAN KERAJAAN (TEMPATAN, NEGERI ATAU PUSAT)** **OLEH PARTI**

67. PENGAWALAN KERAJAAN (TEMPATAN, NEGERI ATAU PUSAT) OLEH

**PARTI**

- 67.1 Dalam kes Parti atau gabungan di mana Parti adalah ahli komponen parti yang mendapat undi majoriti dalam mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan, Pilihan raya Negeri atau Parlimen, ahli-ahli Parti yang telah dipilih akan, sebelum menyandang jawatan, memperolehi kelulusan Jawatankuasa Pusat. Jawatankuasa Pusat akan memberi arahan-arahan seputar yang dianggap perlu berhubung dengan penerimaan jawatan terutamanya:-
- a) kepengerusian Pihak Berkuasa Tempatan;
  - b) keahlian Majlis Eksekutif atau Kabinet Negeri;
  - c) keahlian Kabinet untuk Persekutuan Malaysia.

- 67.2 Akan menjadi wajib di pihak Kerajaan yang dibentuk oleh Parti, berfungsi berdasarkan arahan-arahan Parti dengan penuh keharmonian dan selaras dengan polisi dan aspirasi Parti.

***BAHAGIAN XIII  
MESYUARAT***

68. **PERATURAN**

Semua mesyuarat mesti dijalankan menurut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Persidangan Perwakilan Nasional dari masa ke masa.

69. **TEMPAT MESYUARAT**

Mesyuarat Parti akan diadakan di alamat pejabat yang berdaftar atau alamat-alamat dalam notis mesyuarat yang mana telah dihantar kepada ahli-ahli.

70. **KEKERAPAN**

- 70.1 Jawatankuasa Cawangan akan bermesyuarat sekurang-kurangnya satu kali setiap bulan.
- 70.2 Jawatankuasa Bahagian akan bermesyuarat sekurang-kurangnya satu kali setiap dua bulan.
- 70.3 Jawatankuasa Perhubungan Negeri akan bermesyuarat sekurang-kurangnya satu kali setiap tiga bulan.
- 70.4 Jawatankuasa Pusat akan bermesyuarat sekurang-kurangnya satu kali setiap tiga bulan.
- 70.5 Mesyuarat jawatankuasa kecil tetap atau jawatankuasa kecil ad-hoc akan diadakan seputar yang difikirkan perlu oleh Pengerusi.
- 70.6 Setiausaha Agung selepas berunding dengan Presiden Parti atau Setiausaha setelah berunding dengan Pengerusi untuk sebarang jawatankuasa atau jawatankuasa kecil suatu Cawangan, Bahagian atau Jawatankuasa Perhubungan Negeri akan memanggil suatu mesyuarat pada sebarang masa untuk badan yang mana mereka mewakili.
- 70.7 Presiden Parti mungkin memanggil suatu mesyuarat untuk sebarang badan atau jawatankuasa Parti yang mana beliau anggap perlu untuk berbuat demikian selaras dengan peruntukan Perlembagaan.

71. **NOTIS MESYUARAT**

- 71.1 Notis untuk sebarang mesyuarat mesti dalam bentuk tulisan dan diadakan

mengikut jangkamasa berikut:-

- a) sekurang-kurangnya 7 hari notis untuk jawatankuasa atau jawatankuasa kecil;
  - b) sekurang-kurangnya 7 hari notis untuk Jawatankuasa Cawangan dan Bahagian;
  - c) sekurang-kurangnya 14 hari notis untuk mesyuarat umum Cawangan dan Bahagian, Jawatankuasa Perhubungan Negeri atau Jawatankuasa Pusat;
  - d) sekurang-kurangnya 21 hari notis untuk Persidangan Perwakilan Negeri dan Nasional;
- 71.2 Presiden atau Pengerusi suatu Cawangan, Bahagian atau Jawatankuasa Perhubungan Negeri atau jawatankuasa kecil berkenaan mungkin dalam keadaan kecemasan memberikan notis sepertimana yang difikirkan sesuai tetapi jangkamasa notis sedemikian tidak harus kurang daripada setengah untuk jangkasama yang ditetapkan di atas.

72. **KETIDAKHADIRAN DI MESYUARAT**

Mana-mana ahli dalam suatu jawatankuasa Parti yang telah tidak menghadiri mesyuarat tiga kali berturut-turut untuk jawatankuasa berkenaan tanpa sebarang alasan yang sah akan secara ipso facto berhenti sebagai ahli untuk jawatankuasa berkenaan, dan kekosongan sedemikian akan diisi menurut peruntukan dalam Perlembagaan ini sepertimana jika ahli sedemikian telah meletak jawatan.

**BAHAGIAN XIV  
MESYUARAT LUAR BIASA**

73. **DI PERINGKAT CAWANGAN, BAHAGIAN DAN NEGERI**

- 73.1 Suatu mesyuarat Luar Biasa untuk satu Cawangan, Bahagian atau Persidangan Perwakilan Negeri Parti mungkin diminta oleh sekurang-kurangnya satu suku (1/4) atau 50 mengikut mana ahlinya adalah kurang untuk Cawangan, Bahagian atau Persidangan Perwakilan Negeri berkenaan dengan memberi sekurang-kurangnya 21 hari notis separa Pengerusi atau Setiausaha Cawangan, Bahagian atau Persidangan Perwakilan Negeri berkenaan dengan menetapkan tarikh dan masa untuk mesyuarat dan agenda untuk perbincangan.
- 73.2 Notis dan agenda untuk Mesyuarat Luar Biasa Cawangan, Bahagian atau Persidangan Perwakilan Negeri akan dikirimkan kepada semua ahli Cawangan, Bahagian atau Persidangan Perwakilan Negeri masing-masing yang berkenaan sekurang-kurangnya 12 hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk Persidangan tersebut.
- 73.3 Sebarang mesyuarat yang diminta di bawah peruntukan artikel ini, sekiranya tiada kuorum didapati selepas setengah jam dari masa yang ditetapkan untuk mesyuarat, Mesyuarat Luar Biasa yang diminta itu akan dibatalkan dan tiada Mesyuarat Luar Biasa akan diminta untuk tujuan yang sama sehingga suatu jangkamasa selama sekurang-kurangnya 6 bulan dari tarikh itu.

74. **DI PERINGKAT NASIONAL**

- 74.1 Suatu Persidangan Perwakilan Nasional Luar Biasa Parti akan diadakan:-
- a) jika diarahkan oleh Presiden setelah berunding dengan Setiausaha Agung;
  - b) pada bila-bila masa di mana Jawatankuasa Pusat menganggap perlu;
  - c) jika diminta bersama oleh sekurang-kurangnya 50% Bahagian;

tertakluk bahawa alasan-alasan diberikan secara bertulis kepada Setiausaha Agung yang akan mengadakan mesyuarat tersebut dalam tempoh 45 hari dari tarikh penerimaan surat permintaan sedemikian.

- 74.2 Notis dan agenda untuk suatu Persidangan Perwakilan Nasional Luar Biasa akan dikirimkan kepada semua wakil sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk Persidangan tersebut.
- 74.3 Sebarang Persidangan Perwakilan Nasional Luar Biasa yang diadakan atas permintaan Bahagian sepertimana dinyatakan di artikel 74.1 (c), sekiranya kuorum tidak mencukupi selepas setengah jam dari masa yang ditetapkan untuk mesyuarat itu, Persidangan Perwakilan Nasional Luar Biasa yang diminta itu akan dibatalkan dan tiada Persidangan Perwakilan Nasional Luar Biasa akan diminta untuk tujuan yang sama sehingga suatu jangkasama selama sekurang-kurangnya 6 bulan dari tarikh itu.

## **BAHAGIAN XV KUORUM**

**75. BILANGAN YANG DIPERLUKAN UNTUK MEMBENTUK KOURUM**

Kecuali jika yang lain diperuntukkan di dalam Perlembagaan ini kuorum untuk menjalankan tatacara sebarang mesyuarat akan memerlukan kehadiran bagi sepanjang masanya sekurang-kurangnya 50 atau satu suku (1/4) ahli-ahlinya mengikut mana bilangan yang kurang yang berhak mengundi dalam mesyuarat.

**76. KEPUTUSAN AKIBAT KEKURANGAN KUORUM**

Kecuali jika yang lain diperuntukkan dalam Perlembagaan ini, sekiranya kuorum tidak cukup selepas setengah jam dari masa yang ditetapkan untuk mesyuarat, mesyuarat itu akan ditunda untuk setengah jam lagi; dan jika masih tidak cukup ahli untuk membentuk kuorum pada penghujung setengah jam yang kedua itu, ahli-ahli yang hadir akan mempunyai kuasa untuk melaksanakan urusan-urusan yang ditetapkan untuk hari tersebut tetapi mereka tidak mempunyai kuasa untuk meminda artikel-artikel Perlembagaan Parti dan membuat keputusan yang mempengaruhi keseluruhan keahlian.

## **BAHAGIAN XVI PENGGANTUNGAN ATAU PEMBUBARAN SEBARANG JAWATANKUASA, CAWANGAN, BAHAGIAN, NEGERI ATAU PARTI**

**77. PEMBUBARAN CAWANGAN/BAHAGIAN**

Jawatankuasa Kerja Pusat mungkin membubarkan:-

- a) suatu Cawangan, jika untuk suatu jangkama berterusan selama 6 bulan keahliannya adalah kurang daripada 20;
- b) suatu Bahagian, jika untuk suatu jangkama berterusan selama 6 bulan bilangan Cawangan di kawasan Bahagian berkenaan dibentuk adalah kurang daripada 4.
- c) suatu Cawangan atau Bahagian untuk tujuan penyusunan semula;
- d) (*Dimansuhkan*)

Dipinda  
24 Ogos 2003

Dipinda  
30 Sept. 2001

**78. PENGGANTUNGAN SEBARANG JAWATAN-KUASA DAN PELANTIKAN JAWATANKUASA PENJAGA**

- 78.1 Jawatankuasa Kerja Pusat mungkin menggantung sebarang jawatankuasa Parti atas perbuatan yang bercanggah dengan kepentingan Parti sementara menunggu penyiasatan.

Dipinda  
30 Sept. 2001

Dipinda  
15 Okt. 1998

78.2	Jawatankuasa Kerja Pusat mungkin dengan tujuan penyiasatan dan pertanyaan mengamanahkan kuasanya kepada Jawatankuasa Disiplin Nasional.	Dipinda 18 Oct 2014
78.3	Dalam kes di mana sebarang Cawangan, Bahagian atau Jawatankuasa Perhubungan Negeri digantung di bawah artikel ini, Jawatankuasa Kerja Pusat akan melantik, dari antara ahli-ahli Parti, seorang Pengurus dan ahli-ahli bagi satu jawatan-kuasa penjaga untuk mentadbir Cawangan, Bahagian atau Negeri berkenaan sehingga suatu masa di mana penganggungan tersebut telah dibatalkan atau satu pemilihan baru diadakan seperti mana diajukan oleh Jawatankuasa Pusat.	Dipinda 30 Sept. 2001
79.	<b><u>PENYERAHAN DOKUMEN SELEPAS PEMBUBARAN ATAU PENGGANTUNGAN</u></b>	Dipinda 30 Sept. 2001
	Dalam kes di mana sebarang penggantungan atau pembubaran dijalankan menurut Artikel 77 atau 78, ia akan menjadi tanggungjawab Pengurus, Setiausaha dan Bendahari Cawangan, Bahagian atau Jawatankuasa Perhubungan Negeri berkenaan untuk menyerahkan kepada Setiausaha Agung atau wakilnya semua buku, rekod, wang dan lain-lain harta benda dalam pemilikannya, bersama dengan suatu Penyata Akaun dari tarikh terakhir akaun tersebut diaudit sehingga tarikh perintah untuk pembubaran atau penggantungan.	Dipinda 30 Sept. 2001
80.	<b><u>RAYUAN/PERLANTIKAN PENJAGA JAWATANKUASA</u></b>	Dipinda 30 Sept. 2001
80.1	Ahli-ahli dari Cawangan atau Bahagian yang dibubar bawah Artikel 77(a), (b) or (c) boleh menyertai Cawangan lain, bergantung kepada kelulusan Jawatankuasa Kerja Pusat.	Tambah 30 Sept. 2001
80.2	Sebarang Cawangan, Bahagian atau Negeri dijatuhkan perintah pembubaran oleh Jawatankuasa Kerja Pusat atau sebarang jawatankuasa yang dijatuhkan perintah penggantungan boleh merayu kepada Jawatankuasa Pusat secara bertulis dalam tempoh 14 hari setelah menerima perintah sedemikian. Biarpun rayuan tersebut, perintah pembubaran akan menjadi berkesan sehingga ia diketepikan.	(80) Dipinda 30 Sept. 2001
81.	<b><u>PEMBUBARAN PARTI SECARA SUKARELA</u></b>	
81.1	Parti mungkin dibubarkan secara sukarela melalui satu resolusi yang diluluskan oleh majoriti dua pertiga dalam suara Persidangan Perwakilan Nasional yang dikhaskan untuk tujuan ini.	
81.2	Dalam kes di mana Parti dibubarkan seperti mana yang diperuntukkan di atas, semua hutang dan tanggungan yang sah terlibat bagi pihaknya hendaklah diselesaikan sepenuhnya, dan baki dana akan dihabiskan berdasarkan suatu cara yang mungkin ditetapkan oleh Persidangan Perwakilan Nasional.	

## ***BAHAGIAN XVII*** ***PERUNTUKAN KEWANGAN***

### **82. PUNCA-PUNCA PENDAPATAN**

Pendapatan Parti akan berasal dari punca-punca berikut:-

- a) yuran;
- b) derma;
- c) sewa yang diperolehi dari bangunan kepunyaan Parti dan disewa atau dipajak oleh Parti; dan
- d) lain-lain punca yang mungkin diluluskan dari masa ke masa oleh Jawatankuasa Pusat.

**83. PENGGUNAAN DANA**

- 83.1 Keseluruhan atau sebahagian dari semua yuran atau derma di bawah Artikel 82 mungkin dibahagikan dan diperuntukkan semula oleh Jawatankuasa Pusat kepada Cawangan, Bahagian dan/atau Jawatankuasa Perhubungan Negeri dalam cara dan kadar yang mungkin diluluskan oleh Jawatankuasa Pusat dari masa ke masa.
- 83.2 Tertakluk kepada peruntukan berikut dalam bahagian ini, dana-dana Parti mungkin dikembangkan untuk sebarang tujuan yang diperlukan untuk melaksanakan objektif-objektifnya termasuk perbelanjaan pentadbiran, pembayaran gaji, elaun dan perbelanjaan kepada pemegang jawatan dan kakitangan upahannya, dan pengauditan akaunnya, tetapi ia tidak akan digunakan untuk membayar denda untuk sebarang ahli yang mungkin dijatuhi hukuman di Mahkamah Undang-undang.

**84. PENGURUSAN DANA PARTI**

- 84.1 Bendahari Nasional mungkin memegang wang tunai tidak melebihi RM1,000 pada sesuatu waktu. Semua wang yang melebihi jumlah tersebut akan dalam tempoh 7 hari setelah penerimaanya, disimpan di dalam akaun bank yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pusat. Akaun bank tersebut mesti dibuat atas nama Parti.
- 84.2 Semua cek atau notis pengeluaran atas akaun Parti mesti ditandatangani bersama oleh Presiden atau sebarang orang lain yang diberi kuasa olehnya, Setiausaha Agung dan/atau Bendahari Nasional. Dalam ketidakhadiran Setiausaha Agung atau Bendahari Nasional, Jawatankuasa Pusat akan melantik salah seorang daripada ahlinya untuk menandatangani bagi pihaknya.
- 84.3 Tiada perbelanjaan yang melebihi RM5,000 pada sebarang masa tanpa kelulusan terlebih dahulu daripada Jawatankuasa Kerja Pusat. Perbelanjaan di bawah RM5,000.00 pada sebarang masa boleh diluluskan oleh Presiden, Setiausaha Agung dan Bendahari.
- 84.4 Tiada dana boleh dikutip, dipegang atau dibelanjakan oleh sebarang Cawangan, Bahagian atau Jawatankuasa Negeri tanpa kelulusan secara bertulis daripada Bendahari Nasional.

**85. RAYUAN AWAM UNTUK DERMA**

Tiada rayuan kepada orang awam untuk sebarang derma dibuat bagi pihak Parti tanpa memperolehi kelulusan secara bertulis terlebih dahulu dari Jawatankuasa Kerja Pusat. Pemungutan yuran-yuran dan/atau derma-derma akan hanya diiktiraf penerimaannya melalui resit yang dikeluarkan oleh Bendahari Nasional atau sebarang orang atau orang-orang yang diberi kuasa yang sah olehnya.

**86. PERATURAN UNTUK MENGAWAL DANA**

Jawatankuasa Pusat akan mempunyai kuasa untuk membuat Peraturan berhubung dengan pengawalan, penggunaan dan pengurusan wang, tanah, bangunan dan lain-lain harta benda Parti di semua peringkat organisasinya.

**87. AKAUN TAHUNAN**

Sebaik sahaja selepas penghujung setiap tahun kewangan satu Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penerimaan dan Pembayaran dan satu Imbangan Duga untuk tahun berkenaan akan disediakan dan diaudit oleh

juru audit yang dilantik di bawah Artikel 88. Akaun yang telah diaudit akan dibentangkan untuk kelulusan di Persidangan Perwakilan Nasional akan datang dan salinan-salinan akan disediakan di Sekretariat Parti yang berdaftar dan untuk ahli-ahlinya.

88. **PERLANTIKAN/TUGAS-TUGAS JURU AUDIT**

- 88.1 Persidangan Perwakilan Nasional akan melantik seorang akauntan yang bertauliah atau firma-firma untuk akauntan sebagai juru audit yang diupah. Juru audit yang dilantik berkenaan akan menyandang jawatannya sehingga beliau meletak jawatan atau sehingga perlantikannya ditamatkan oleh Persidangan Perwakilan Nasional.
- 88.2 Juru audit diwajibkan mengaudit akaun Parti dan menyediakan satu laporan atau sijil tahunan untuk Persidangan Perwakilan Nasional. Beliau juga diwajibkan oleh Presiden untuk mengaudit akaun Parti untuk sebarang jangkamasa di dalam tempoh perkhidmatannya dan pada sebarang tarikh membuat satu laporan untuk Jawatankuasa Pusat.

***BAHAGIAN XVIII***  
***ASET***

89. **ASET**

- 89.1 Kecuali yang lain diperuntukkan dalam artikel ini. Segala aset Parti dalam apa jua benda akan diletakkan dibawah kawalan Jawatankuasa Pusat yang akan menguruskannya dengan cara yang telah ditetapkan. Dipinda  
31 Jan. 1997
- 89.2 Segala aset Parti yang kekal akan dimiliki atas nama Parti Gerakan Rakyat Malaysia.
- 89.3 Sebarang sewaan, pajakan, debentur, penyerahan hak, cagaran dan jualan hartaanah Parti akan menjadi tidak sah tanpa persetujuan bertulis Jawatankuasa Hartanah Parti yang ditandatangani oleh semua ahli Jawatankuasa tersebut. Dipinda  
31 Jan. 1997

***BAHAGIAN XIX***  
***PERLEMBAGAAN DAN PERATURAN***

90. **PERATURAN**

- 90.1 Peraturan Parti akan dianggap sebagai sebahagian Perlembagaan ini dan sehubungan ini akan mempunyai kuasa dan kesan yang sama.
- 90.2 Peraturan baru mungkin dirangka apabila dipertimbangkan perlu dan Peraturan yang sedia ada mungkin dipinda atau dimansuhkan melalui suatu resoluri dari Jawatankuasa Pusat.
- 90.3 Peraturan Parti dalam sebarang perkara yang berkaitan dengan Jawatankuasa Pusat mungkin diterima dengan pengubahaian jika perlu untuk digunakan di suatu Jawatankuasa Cawangan, suatu Jawatankuasa Bahagian atau suatu Jawatankuasa Perhubungan Negeri.
- 90.4 Di mana tiada peruntukan khas telah dibuat di dalam artikel-artikel ini untuk sebarang perkara yang berhubung dengan pengurusan hal ehwal organisasi Cawangan, Bahagian dan Negeri Parti ini, artikel tertentu yang berhubung dengan pengurusan organisasi nasional akan diikuti oleh organisasi Cawangan, Bahagian atau Negeri setakat mana yang boleh dipakai.

91. **PERLEMBAGAAN**

- 91.1 Pindaan Perlembagaan yang kedua ini yang diluluskan oleh Persidangan Perwakilan Nasional yang diadakan pada 30 dan 31 Julai 1994 akan berkuatkuasa dari tarikh kelulusan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia.
- 91.2 Semasa berkuatkuasanya Perlembagaan ini, pindaan Perlembagaan yang pertama yang diterima di Persidangan Perwakilan Parti yang diadakan pada 14 Januari 1973 bersama dengan semua pindaan yang berikutnya akan secara automatik dianggap telah dibatalkan, tetapi semua tindakan yang dilaksanakan disini undang-undang, dilangsungkan atau dijalankan di bawah pindaan Perlembagaan pertama dan pindaan-pindaan yang berikutnya akan terus dianggap sah biarpun tindakan-tindakan sedemikian adalah tidak selaras dengan peruntukan pindaan Perlembagaan kedua ini.
- 91.3 Dalam keadaan di mana terdapat sebarang pertengkaran dan/atau kesukaran yang berbangkit dari penguatkuasaan Perlembagaan ini, pertengkaran dan/atau kesukaran berkenaan akan diselesaikan oleh Jawatankuasa Pusat yang mana keputusannya adalah muktamad dan mengikat dan tidak boleh dicabar, dirayu, dikaji semua, atau dibangkitkan dalam mana-mana mahkamah atas sebarang sebab mengenai kesahan keputusan tersebut.

92. **PINDAAN PERLEMBAGAAN**

- 92.1 Sebarang ahli dari Persidangan Perwakilan Nasional disokong oleh seorang ahli lain sedemikian akan mencadangkan pindaan ke atas mana-mana artikel di dalam Perlembagaan ini dengan memberi notis secara bertulis kepada Setiausaha Agung dalam tempoh tidak kurang daripada 14 hari sebelum tarikh Persidangan Perwakilan Nasional. Setiausaha Agung setelah menerima notis berkenaan akan memaklumkan kepada semua ahli Persidangan Perwakilan Nasional mengenai cadangan tersebut dan akan menghantar salinan cadangan pindaan berkenaan kepada setiap ahli Persidangan Perwakilan Nasional dalam tempoh tidak kurang daripada 7 hari sebelum persidangan itu. Cadangan berkenaan tidak akan berkuatkuasa kecuali ia diluluskan sebagai satu resolusi oleh Persidangan Perwakilan Nasional dengan majoriti sekurang-kurangnya dua pertiga daripada ahli-ahli pengundian yang hadir di dalam persidangan tersebut.

Dipinda  
30 Sept. 2001

- 92.2 Sebarang pindaan kepada artikel 10 atau artikel 89.3 Perlembagaan ini juga hendaklah dipersetujui oleh majoriti atau sekurang-kurangnya dua pertiga daripada ahli-ahli pengundian Majlis Seumur Hidup.

Dipinda  
30 Jan. 1997

- 92.3 Sebarang pindaan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh 28 hari ia diluluskan oleh Persidangan Perwakilan Nasional dan akan hanya berkuatkuasa dari tarikh pengesahannya oleh Pendaftar Pertubuhan.

**BAHAGIAN XX**  
**PELBAGAI PERUNTUKAN**

93. **PENGHADAN ATAS TANGGUNGJAWAB PARTI**

Parti tidak akan bertanggungjawab atau terikat dengan sebarang kontrak atau tanggungan yang dikenakan atas namanya tanpa kebenaran dan mandat secara bertulis dari Jawatankuasa Pusat.

94. **KUASA MELANTIK DAN MENAMATKAN PERLANTIKAN**

Kecuali jika lain yang diperuntukkan dalam Perlembagaan ini di mana kuasa dikurniakan ke atas sebarang orang atau badan untuk melantik, orang atau badan berkenaan juga akan mempunyai kuasa untuk menamatkan perlantikan sedemikian dengan cara yang sama.

95. PENGIRIMAN DOKUMEN-DOKUMEN

Sebarang dokumen yang diperlukan oleh sebarang artikel di dalam Perlembagaan ini atau di bawah sebarang Peraturan yang dilaksanakan mengikut peruntukan Perlembagaan ini akan dikirimkan kepada sebarang ahli, atau Cawangan, Bahagian, Jawatankuasa Perhubungan Negeri atau kepada sebarang organisasi yang bersekutu dengan Parti, disampaikan atau dihantar melalui pos biasa atau berdaftar ke alamatnya seperti yang ditunjukkan dalam daftar ahli yang relevan yang disimpan dalam ibu pejabat Parti, akan dianggap telah dikirim seperti yang seharusnya.

96. LARANGAN

96.1 Setiap pegawai yang menjalankan tugas eksekutif dalam Parti dan setiap penasihat harus merupakan rakyat Malaysia.

96.2 *(Dimansuhkan)*

*Dipinda*  
29 Sept 2012

96.3 Tiada sesiapa pun dibenarkan mengambil sebarang tindakan undang-undang di mahkamah terhadap Parti, jawatankuasanya dan / atau ahlinya atas sebarang tindakan yang dilakukan mengikut Perlembagaan Parti atau Peraturan.

*Tambah*  
29 Sept 2012

**BAHAGIAN XXII  
PENAFSIRAN**

97. PENAFSIRAN

97.1 Mengikut Artikel 12.3, seorang "ahli pengundian" adalah seorang ahli yang menurut daftar ahli-ahli yang layak pada 1 Januari pada tahun semasa di mana pemilihan akan dijalankan seperti yang disahkan oleh Setiausaha Agung, telah menjadi seorang ahli untuk lebih dari 6 bulan dan telah pada atau sebelum 30 Jun, sebelum tahun pemilihan, membayar yurannya sekurang-sekurangnya hingga ke tahun sebelum tahun pemilihan.

97.2 "Parti" akan bermakna Parti Gerakan Rakyat Malaysia atau Malaysian People's Movement Party.

97.3 "Pemilihan" bermakna pemilihan pemegang-pemegang jawatan dan wakil-wakil dalam sebarang Cawangan, Bahagian, Persidangan Perwakilan Negeri dan Persidangan Perwakilan Nasional yang diadakan menurut peruntukan Perlembagaan ini.

97.4 "Pemegang Jawatan" bermakna seorang wakil ke Bahagian, Persidangan Perwakilan Negeri dan Persidangan Perwakilan Nasional atau seorang ahli jawatankuasa.

*Dipinda*  
24 Ogos 2003

97.5 "Suatu Negeri" bermakna sebarang Negeri yang mendirikan Malaysia tertakluk bahawa Wilayah Persekutuan Ibu Negara Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya akan dianggap sebagai sebuah Negeri.

*Dipinda*  
24 Ogos 2003

97.6 Perkataan-perkataan kata tunggal akan termasuk kata majmuk dan perkataan-perkataan berbentuk kejantanan akan termasuk kebetinaan di mana konteks menizinkan.

97.7 "Ahli Parlimen" bermakna seseorang ahli dari mana-mana satu Dewan Parlimen.

97.8 "Peraturan" juga bermakna perintah-perintah dan peraturan-peraturan kecil Parti.

- 97.9 "Meminda" juga bermakna menambah, memansuh, mengganti atau mengubah.
- 97.10 "Perlembagaan ini" bermakna versi Bahasa Inggeris Perlembagaan ini.